

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN: KAJIAN DI MASJID UniSZA (Teaching and Learning Method of al-Quran: A Study in UniSZA's Mosque)

SHARIFAH NORSHAH BANI SYED BIDIN*
MOHD SHAFIEE HAMZAH
TASNIM ABD RAHMAN
KASIMAH KAMARUDDIN
NIK AZEAH NIK AZMAN

Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia adalah seiring dengan kedatangan dan perkembangan Islam. Sejarah mencatatkan bahawa Islam mula bertapak di Tanah Melayu pada tahun 903 Masehi di Kedah, 1181 Masihi di Kelantan, 1302 Masihi di Terengganu dan 1414 Masihi di Melaka. Dalam perkembangan ini, kaedah pengajaran al-Quran adalah berdasarkan kepada kaedah tertua yang diperkenalkan oleh Jibril a.s kepada Rasulullah SAW ketika mula-mula menyampaikan wahyu pertama iaitu secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Seiring perkembangan dan keperluan semasa, pendekatan yang digunakan untuk mengajar al-Quran juga turut berubah sebagai bukti bahawa kaedah pengajaran kitab suci ini tidak ketinggalan dari kaedah arus perdana. Oleh itu, makalah ini bertujuan menghuraikan perkembangan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia bermula sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu hingga kini. Kajian difokuskan kepada kaedah tradisi dan kaedah kontemporari dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Dalam kajian ini, Kelas al-Quran Dewasa yang dijalankan di masjid UniSZA dijadikan sampel kajian. Data dikumpul secara kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual. Temu bual yang dimaksudkan adalah temubual informan terpilih yang terdiri daripada pengasas dan tenaga pengajar yang mengendalikan kelas-kelas pengajaran dan pembelajaran al-Quran sama ada secara tradisi mahupun kontemporari. Lima kaedah tradisi dan kontemporari dipilih

*Corresponding author: Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia, Mel-e: sharifahns@gmail.com

Diterahkan: 6 April 2016

Diterima: 20 Disember 2017

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2018-1001-06>

sebagai sampel kajian ini. Kajian mendapati bahawa legasi kaedah pengajaran tertua secara talaqqi dan musyafahah ini diteruskan sehingga ke hari ini, namun dalam acuan yang berbeza. Setiap pendekatan yang diperkenal dan diamalkan adalah dengan tujuan yang sama iaitu melatih kemahiran dan kebolehan membaca al-Quran dengan cara mudah dan pantas tetapi masih meraikan hukum-hukum tajwid sebagaimana yang diajar oleh Baginda Rasulullah SAW.

Kata kunci: Dinamika pengajaran al-Quran; kaedah tradisi; kaedah kontemporari

ABSTRACT

Teaching and learning the Quran in Malaysia is in line with the advent and development of Islam. History records show that Islam began to gain a foothold in the Malay Peninsula in 903 AD in Kedah, Kelantan in 1181 AD, 1302 AD and 1414 AD in Terengganu and Melaka. In this development, methods of teaching the Quran is based on the oldest method, introduced by Gabriel to the Prophet Muhammad SAW when he first presented the first revelation of the talaqqi and musyafahah. Along with the development and current needs, the approach used to teach the Quran also changed as evidence that the teaching of scripture is not left out of the mainstream. Therefore, this article aims to describe the development of teaching and learning the Quran in Malaysia dates back to the arrival of Islam to the Malay Peninsula to the present. The study focused on the method of tradition and contemporary methods in teaching and learning the Quran. In this study, the Quran Class for adults conducted in the mosque UniSZA as sample for the suitability and effectiveness of the teaching of the Quran used. Data collected qualitatively through analysis of documents and interviews. Interviews were intended informant interviews selected is composed of the founders and trainers who conduct classes teaching the Quran either traditional or contemporary. Five traditional and contemporary methods selected for this study. The study found that the legacy of the oldest teaching methods for talaqqi and musyafahah continues to this day, but in a different mold. Each approach is introduced and practiced with the same purpose of training skills and ability to read the Quran in a simple and fast but still comply with the rules of recitation as taught by the Prophet's

Keywords: *The dynamics of teaching Quran; method of tradition; contemporary methods*

PENGENALAN

Bermula dari sejarah penurunan al-Quran di Gua Hira', ia mula diperdengarkan dan diajar kepada umat manusia melalui Nabi Muhammad SAW. Kemudian, al-Quran

diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui usaha dakwah penyebaran Islam selari dengan perkembangan Islam memasuki segenap ruang di muka bumi ini. Negara Malaysia juga tidak terkecuali dalam usaha ini. Dengan menggunakan pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah* sebagai kaedah pertama dalam mengajar al-Quran kepada masyarakat awal Islam di tanah Melayu, sehinggalah kaedah tersebut berkembang mengikut keperluan dan kesesuaian kaedah pengajaran semasa.

Kajian ini secara khususnya membincangkan tentang dinamika pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam kalangan peserta dewasa di Malaysia. Menurut Muhammad Fauzan Abdul Wahid (2006), kaedah pembelajaran al-Quran menerusi latihan amali dan tasmik dapat memberi impak besar kepada kebolehan pelajar dalam menguasai kemahiran al-Quran. Kekuatan kajian ini adalah pada reka bentuknya. Ia dijalankan melalui ujian pra-pasca yang dapat membuktikan secara tuntas tentang keberkesanannya kaedah pembelajaran al-Quran yang digunakan.

Manakala al-Kailani (1986) menyebut bahawa terdapat lima kaedah mengajar al-Quran yang boleh dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran, iaitu pemilihan kaedah mesti selaras dengan objektif pengajaran, kaedah mesti sesuai dengan mata pelajaran yang diajar, kaedah yang digunakan mesti sepadan dengan usia pelajar, kemampuan guru untuk mengaplikasi kaedah yang dipilih dan masa yang cukup apabila mengaplikasikan mana-mana kaedah yang dipilih. Kajian oleh Jasmi dan Mohd Che Noh (2013) pula mendatangkan model pengajaran dan pembelajaran al-Quran, iaitu Model Rasulullah SAW, Model al-Ghazali, Model Ibnu Khaldun, Model Abu Hanifah, Model al-Shatibi, Model Salim, Ahmad dan Abu Saleh, Model Kamarudin, Model Wan Bakar, Model Jabir, Model As'ad Human dan Model Jamaluddin, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Model Iqbal. Setiap model mempunyai kaedah tersendiri dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Hal ini menunjukkan wujudnya dinamika dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang menjadi fokus kajian ini. Namun begitu, kajian ini agak berbeza dengan kajian-kajian terdahulu kerana ia menumpukan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara tradisi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran kontemporari. Dalam kaitan ini, pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran dewasa yang dijalankan di Masjid Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dijadikan model empirikal bagi kajian ini bagi menjawab objektif kajian yang digariskan.

METODOLOGI KAJIAN

Data dikumpul secara kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen yang dimaksudkan termasuk buku-buku berkaitan dengan teknik pengajaran

al-Quran secara tradisi dan kontemporari. Ia juga melibatkan rekod kemajuan pelajar yang diambil dari Klinik Tahsin al-Quran Masjid UniSZA. Temubual yang dimaksudkan pula adalah temubual informan terpilih yang terdiri daripada pengasas dan tenaga pengajar yang mengendalikan kelas-kelas pengajaran dan pembelajaran al-Quran sama ada secara tradisi mahupun kontemporari. Temu bual tidak berstruktur dijalankan secara tidak formal dan tidak mempunyai apa-apa urutan soalan. Ia juga berfungsi sebagai penjelasan kepada data-data yang dikumpul melalui pemerhatian. Temubual ini memfokuskan kepada sejarah penubuhan Kelas al-Quran Dewasa di Masjid UniSZA, kaedah pelaksanaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui teknik yang digunakan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN TRADISI

Menurut Mustaffa Abdullah et al. (2014) sejarah perkembangan tajwid di Malaysia terangkum dalam sejarah berkembangnya pendidikan Islam di Malaysia. Ini berasaskan kepada bentuk pendidikan Islam yang terawal datang ke Tanah Melayu ketika itu adalah dalam bentuk pengajian al-Quran yang terangkum di dalamnya pengajian Tajwid al-Quran.

Pada zaman Kerajaan Melayu Melaka (1400-1511M) mengaji al-Quran merupakan pengajian dasar kepada semua lapisan masyarakat. Mereka yang terlibat dalam pengajian ini bukan sahaja terdiri daripada rakyat. Bahkan golongan istana juga turut melibatkan diri dalam pengajian al-Quran. Buktinya raja Melaka yang pertama Parameswara (Megat Iskandar) yang memeluk Islam pada tahun 1414 masehi turut mempelajari al-Quran dan ilmu agama daripada ulama Pasai.

Senario pengajian al-Quran berubah dengan kedatangan penjajah ke Tanah Melayu. Pihak penjajah mempengaruhi sistem pendidikan yang diamalkan oleh masyarakat tempatan. Ia adalah sejajar dengan matlamat penjajahan yang bukan sahaja didorong matlamat ekonomi dan bahasa, malah ia juga dipengaruhi oleh faktor penyebaran agama (Atan Long 1979). Hal sedemikian dapat dilihat pada pertengahan abad ke-19 apabila kerajaan Inggeris memperkenalkan pentadbiran pendidikan berdasarkan polisi ‘pecah dan perintah’, maka dengan itu lahirlah sekolah-sekolah Melayu, Sekolah China, Sekolah India dan Sekolah Inggeris (Shahril Marzuki 2005).

Bermula dengan itu juga Inggeris campur tangan secara tidak jujur dalam aktiviti pendidikan Islam dengan tujuan melemahkan agama Islam dan pendidikannya serta memberi penekanan kepada perkembangan agama Kristian. Pada tahun 1854 banyak

sekolah agama telah diambil alih oleh East Indian Company dan diberi bantuan dengan syarat sekolah-sekolah ini mewujudkan mata pelajaran membaca, menulis dan ilmu Hisab di samping pelajaran agama dan al-Quran (Abdullah Ishak 1990).

Menurut D.D. Chelliah (1985), Inggeris cuba mengambil alih sekolah agama dengan memperkenalkan pentadbiran dan kurikulum baru iaitu mengasingkan pelajaran akademi yang diajar pada waktu pagi dan al-Quran diajar pada waktu petang. Manakala kerajaan Inggeris hanya membayar gaji guru akademik sahaja dan gaji guru al-Quran ditanggung oleh orang Melayu dan keluarga pelajar.

Layanan buruk penjajah ini menyebabkan para ulama tempatan terpaksa berusaha dan menggembung tenaga mencari alternatif dalam usaha memastikan orang Melayu terus menerima pendidikan dengan tidak mengetepikan pengajian al-Quran. Keadaan seperti ini mendesak mereka mewujudkan pengajian di rumah-rumah guru, surau, masjid, istana dan sekolah agama yang bebas dari pengaruh penjajah.

Pelaksanaan pendidikan Islam melalui pengajian dan pengajaran di rumah guru al-Quran (Sobri Salamon & Haron Din 1988) telah bermula sebelum abad ke-20 lagi. (Ismail Abdul Rahman 1993) Selain daripada al-Quran diajar juga ilmu-ilmu agama yang lain seperti fiqh, tauhid dan tasawuf. Fenomena ini dinyatakan sendiri oleh Munsyi Abdullah dalam catatannya (A.H. Hill 1955). Banyak pihak yang terlibat dalam aktiviti ini seperti Mubaligh Islam yang datang dari Tanah Arab, Parsi dan India. Tidak ketinggalan pihak istana yang teramat peka dengan tuntutan tersebut, di mana istana berperanan sebagai pusat pendidikan dakwah, malah sebagai perpustakaan, tempat penterjemahan dan penyalinan kitab-kitab. (Yusri Chek 2005). Menurut pengkaji barat contohnya D.G. Hall, istana Melaka telah menjadi pusat pengajian Islam dan dakwah bagi menyebarkan Islam di rantau ini, malah Sultan Mansur Shah pernah mewakafkan tanah untuk dijadikan tapak masjid. (D.G. Hall 1961)

Setelah pengajian di rumah-rumah tidak dapat menampung bilangan pelajar yang semakin ramai, maka akhirnya wujud keperluan mendirikan surau-surau yang berdekatan dengan rumah guru agar aktiviti pengajian dan pengajaran al-Quran dapat dijalankan. Untuk tujuan itu pondok-pondok kecil sekitar surau itu dibina sebagai tempat penginapan khususnya bagi para pelajar yang datang dari tempat yang jauh. Dengan itu bermulalah sejarah sistem pengajian pondok di Semenanjung Tanah Melayu bagi orang yang ingin mempelajari ilmu agama. Justeru, pengajian al-Quran secara tradisi di rumah guru telah berkembang dan akhirnya wujud institusi-institusi pondok dan tradisi pengajian pondok telah menjadi asas kepada penubuhan sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Semenanjung Malaysia (Ismail Abdul Rahman 1993).

Pengajian al-Quran mengalami perubahan yang besar pada abad ke-20M. Kemunculan sekolah agama dengan sistem pengajian yang lebih tersusun dan sistematik. Ia memberi kesan secara langsung kepada pengajian al-Quran dan ilmu-ilmu lain sama ada dari sudut sukanan mata pelajaran dan juga metodologi pengajaran. Apa yang berlaku adalah hasil daripada usaha yang dilakukan oleh reformis Islam tempatan Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi yang memperkenalkan persekolahan Islam dengan mendirikan Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1908M dan Madrasah al-Hadi di bandar Kaba Melaka pada tahun 1917M (Khoo Kay Kim 1980) dan ia menjadi pencetus kepada kemunculan sekolah islah lain di Tanah Melayu.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN KONTEMPORARI

Pengajaran al-Quran kontemporari boleh didapati dalam banyak kaedah dan pertumbuhannya amat pesat seiring perkembangan. Ini adalah satu gambaran bahawa masyarakat kita mementingkan dan menitikberatkan pembelajaran al-Quran. Kaedah yang paling banyak digunakan oleh masyarakat dipilih untuk disorot.

Teknik al-Baghdadi

Kaedah al-Baghdadi merupakan teknik mudah belajar dan mengajar al-Quran. Ia diperkenalkan oleh Ustaz Jalaluddin b. Hj. Hasanuddin al-Baghdadi pada awal tahun 2009. Kaedah ini merangkumi dua proses utama iaitu pembelajaran dan pengukuhan. Kaedah ini merupakan salah satu teknik yang dapat membantu umat Islam yang memerlukan bagi menguasai bacaan al-Quran dengan pendekatan yang mudah, inovatif, sistematik dalam tempoh yang singkat.

Teknik al-Baghdadi serta bahan-bahan bantuan mengajar terhasil dari pengalaman beliau mengendalikan kursus kaedah al-Barqy yang diasaskan oleh Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada guru-guru dan ibu bapa di seluruh negara selama 8 tahun.

Menurut Ghazali Othman (2014) melalui teknik al-Baghdadi ini didedahkan kepada 6 perkara asas dan pokok dalam pembacaan al-Quran. Iaitu 29 huruf, tanda baris, tanwin, mad, sukun dan sabdu. Keenam-enam perkara asas tersebut terkandung dalam kitab Tamhid al-Baghdadi. Di dalamnya diterapkan pelbagai teknik pengajaran dan teknik bacaan bagi memberi kesan yang lebih baik bagi seseorang yang ingin menguasai bacaan al-Quran dalam tempoh yang singkat. Antara kaedah dan teknik asas yang digunakan ialah Teknik Ketukan.

Set alat ketuk adalah satu alat bantu mengajar yang direka khas bagi tujuan memberikan kesan yang lebih baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Teknik ketukan didapati mampu mendisiplinkan pembaca al-Quran bagi menguasai bacaan dengan lebih fasih dan tertib serta mampu melahirkan pembaca yang berdisiplin dalam bacaannya. Terdapat pelbagai teknik yang juga diaplikasikan dalam tamhid al-Baghdadi ini, antaranya; Teknik Bacaan Berirama, Teknik Titian Unta dan Kaedah Struktur, Analisis dan Sintesis (SAS).

Buku yang kedua pula adalah Buku Tajwid al-Baghdadi. Ia merupakan siri pelengkap kepada Tamhid al-Baghdadi yang mengandungi 10 bab pembelajaran yang menekankan asas dan amali dalam pembelajaran dan pengajaran tajwid al-Quran. Buku ini menumpukan kepada pengenalan asas bacaan dan asas hukum tajwid secara ringkas dan mudah dengan menjauhkan para pelajar daripada hafalan teori ilmu tajwid yang agak kompleks.

Iqra' at-Taisir

Iqra' at-Taisir yang disusun oleh Mohd Rizal Abdul Ghani (2014) adalah buku siri bacaan *Iqra'* yang berada di pasaran sekarang. Buku ini diterbitkan untuk membimbing golongan anak-anak terutamanya belajar membaca al-Quran. Buku ini mengutamakan penggunaan Ilustrasi grafik yang dimuat bagi menarik minat pelajar dan serta dapat menyegarkan minda. Gambar huruf yang berwarna-warni menarik minat untuk belajar. Setiap kaedah diterangkan secara terperinci berserta contoh. Teknik simbol digunakan bagi mengingat hukum tajwid seperti tanwin, tanda sukun, hukum nun sakinah, hukum mad, cara waqaf dan sebagainya. Pelajar digalakkan supaya mempraktikkan teknik mengetuk jari iaitu mengetuk jari pada setiap huruf sambil menyebutnya. Hentikan suara setelah jari menyentuh huruf. Hukum-hukum pula dijelaskan berserta dengan cara sebutan contohnya:

- a. Cara lafaz huruf bertanda sukun ialah lafaz huruf itu separuh sahaja
- b. Huruf istifal: lidah tidak menyentuh lelangit
- c. Dengung: matikan huruf yang bertanda syaddah, lafazkan huruf itu mengikut baris yang ada bersama tanda syaddah, Tarik huruf yang berbaris ke dalam huruf bertanda sukun kemudian lafaz

Kaedah Hattawiyah

Kaedah *Hattawiyah* disusun sejak 1974 oleh pengasasnya Dr. Mohammad Hatta Usman, seorang guru al-Quran di Pekan Baru Riau, juga seorang Pegawai Agama Tempatan di Indonesia.

Kaedah ini mula diasaskan bagi membebaskan buta huruf al-Quran dalam kalangan anak-anak di sana. Dengan menggunakan kaedah ini, para pelajar akan boleh membaca al-Quran dalam masa $4 \frac{1}{2}$ jam dalam erti kata lain akan celik al-Quran. Proses pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung selama 6 tahap. Setiap satu tahap mengambil masa 45 minit (Harun Hj. Sarail. t.th.).

Ia mula berkembang di Malaysia secara meluas melalui guru-guru dari Indonesia yang terlibat dalam bidang pengajaran al-Quran. Ia juga dikembangkan oleh pelajar Malaysia yang belajar di Indonesia (Adel M. Abdul Aziz 2006) Kaedah ini boleh digunakan oleh guru-guru yang sudah tahu mengenai hukum tajwid serta makhraj dan sifatul huruf atau mereka yang telah menghadiri mana-mana kursus Teknik Pengajaran al-Quran Kaedah Qiraati atau Iqra'.

Kaedah ini menggunakan pendekatan pengenalan huruf Arab dan tanda baca melalui huruf Rumi. Oleh yang demikian, kaedah ini hanya boleh dilaksanakan bagi mereka yang lancar membaca rumi. Namun begitu penggunaan huruf rumi hanyalah sebagai pendahuluan semata-mata. Oleh itu, kaedah ini merupakan langkah terakhir dan hanya untuk golongan tertentu bagi memastikan mereka tidak terus berada dalam katagori buta al-Quran (Mohd Zainul Arifien 2011).

Contoh cara pengajaran yang dijalankan ialah setiap huruf Arab yang belum diberi tanda baca maka huruf tersebut dibaca mengikut huruf rumi, contoh: dibaca L, ظ dibaca N. Ini bermakna pelajar perlu mengecam bunyi huruf rumi ظ diganding dengan huruf Hijaiyyah. Tetapi setelah huruf Arab tersebut diberi tanda baca (baris) hendaklah dibaca mengikut tanda barisnya dengan makhraj yang betul dan fasih. Manakala dalam bentuk perkataannya seperti ‘الحمد لله’ kepada ‘Alhamdulillah’, ربنا, ‘Rabbana’ dan seterusnya (Mohd. Shukri 2013).

Kaedah Haraki

Kaedah terkini yang hangat diperkatakan di media perdana televisyen ialah kaedah *Haraki*. Kaedah ini diperkenalkan oleh pengasasnya Ustaz Zakaria bin Din @ Nasiruddin pada tahun 2013. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Kaedah *Haraki* mengambil inspirasi daripada teknik-teknik al-Quran lain yang membolehkan seseorang membaca al-Quran secara bertajwid dalam tempoh 7 jam sahaja.

Kaedah *Haraki* dihasilkan untuk menarik minat masyarakat pelbagai peringkat umur untuk mempelajari al-Quran. Kaedah ini memberi penekanan kepada bentuk tulisan al-Quran Rasm Uthmani yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Hasil

daripada penelitian terhadap bentuk *dabt rasm* Uthmani dan bunyi yang terhasil ketika membaca al-Quran diolah dalam bentuk pergerakan tangan supaya pembaca dapat membaca secara bertajwid. Perkataan *Haraki* dipilih sebagai nama kaedah ini kerana kaedah ini menekankan pergerakan tangan pembaca al-Quran.

Pengajaran dan pembelajaran *Haraki* menggunakan satu set modul pengajaran yang memerlukan pelajar melakukan aktiviti yang mudah seperti menggaris dan meletakkan simbol kepada potongan ayat al-Quran yang hendak dibaca. Manakala aktiviti menulis sangat minima kerana al-Quran Rasm Uthmani tidak mudah untuk ditulis oleh orang awam kerana ia sangat unik. Sebagai contoh tanda mati (sukun) sendiri mempunyai pelbagai bentuk yang membawa makna yang tersendiri. Justeru itu kaedah ini tidak menekankan dari sudut menulis ayat al-Quran. Hal ini kerana objektif utama tilawah al-Quran ialah pelajar dapat membaca al-Quran bertajwid bukan boleh menulis al-Quran.

Modul kaedah *Haraki* dimulakan dengan panduan belajar dan mengajar untuk guru. Bab pertama menerangkan bagaimana kalau boleh membaca surat khabar atau facebook mustahil tidak boleh baca al-Quran. Bagi mengatasi masalah mereka yang tidak mengenal huruf hijaiiyah atau keliru huruf hijaiiyah, kaedah *Haraki* menggunakan kaedah bercerita dan pergerakan tangan. Setiap huruf hijaiiyah dihuraikan dan dibuat dalam satu kisah ‘Si Buncit’ bagi memudahkan pelajar membuat perkaitan antara huruf hijaiiyah tersebut dengan benda majud dan pengalaman sedia ada pelajar.

Setelah pelajar benar-benar mengenal huruf hijaiiyah, pelajar terus boleh membaca huruf pelbagai baris, bacaan panjang pendek, tanwin dan hukum nun dan mim mati, hukum syaddah, qalqalah, dan cara bacaan waqaf dan huruf-huruf muqataah. Teknik yang digunakan dalam menyampaikan kaedah ini ialah dengan meletakkan simbol di bawah setiap baris ayat yang hendak dibaca sebelum mereka terus membaca sambil menggerakkan tangan mereka (Zakaria Din 2014).

Kaedah *al-Matién*

Dengan bertemakan ‘merevolusikan pengajaran al-Quran’, kaedah *al-Matién* diperkenalkan pada tahun 2009 sebagai satu kaedah membaca al-Quran yang terkini. Ia disusun oleh dua orang guru yang terkenal di kaca televisyen media perdana tanah air iaitu Ustaz Haji Mohd Zamri Mohd Zainuddin dan Ustaz Haji Mohd Wahid Abdul Hanif, seorang guru al-Quran dan editor Syariah di Telaga Biru Sdn. Bhd. (Zamri Mohd. Zainuldin 2009)

Kaedah ini dicipta hasil daripada pengalaman dan penglibatan mereka mengajar dan membangunkan kelas pengajaran al-Quran. Ia merupakan gabungan kaedah Baghdadi yang telah digunakan di Nusantara buat sekian lama dengan kaedah baru seperti *Iqra'*, kaedah *Qiraati* dan kaedah *al-Barqi* yang juga telah bertapak di Nusantara.

Kaedah *al-Matien* terdiri daripada dua siri buku iaitu *al-Matien* 1, dan *al-Matien* 2. Pelajar hendaklah menguasai *al-Matien* 1 sebelum dialih kepada *al-Matien* 2. Kaedah ini tidak dibenarkan mengeja, hanya lihat, pastikan dan sebut dengan betul.

Pada *al-Matien* 1, pelajar hendaklah menguasai dengan kukuh huruf Hijaiyah, kemudian baru diajar membaca dengan bunyi huruf pada setiap baris dan tanda. Manakala pada *al-Matien* 2, pelajar didedahkan dengan hukum tajwid dan cara membaca yang betul dengan bimbingan guru sehinggalah mantap (Zakaria Din 2014).

Secara terperinci, siri *al-Matien* 1 menekankan empat aspek utama iaitu pertama menguasai huruf Hijaiyah, kedua mempelajari tanda bunyi digandingkan sekali dengan huruf-huruf bercantum, ketiga menguasai cara memasukkan huruf berbaris kepada huruf mati atau huruf sabdu, keempat ialah menguji dan membezakan panjang pendek bacaan (*Ibid*).

Pada siri *al-Matien* 2, pelajar didedahkan dengan 11 hukum tajwid dimulai dengan Bab Mad, Hukum Nun Mati, Hukum Mim Mati, Wajibul Ghunnah, Hukum Idgham, Hukum Qalqalah, Tafkhim dan tarqiq, Hamzah Wasal, Tanda Waqaf, Saktah, bacaan Khusus riwayat Hafs an Asim dan Sifat Huruf. Kelebihan siri *al-Matien* ialah penyediaan infografik berwarna dan Ilustrasi huruf berwarna-warni sebagai membantu pengajaran dan pembelajaran al-Quran (*Ibid*).

KAEDAH PENGAJARAN AL-QURAN DALAM KELAS AL-QURAN DEWASA DI MASJID UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

Kaedah pengajaran al-Quran yang dipraktikkan dalam Kelas al-Quran Dewasa (KQD) di Masjid UniSZA sebagai sampel kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran KQD di masjid UniSZA adalah merupakan gabungan di antara kaedah tradisi dan kontemporari.

Menurut Suhaimi Muhammad (2015) selaku Imam Besar Masjid UniSZA, Kelas Quran Dewasa Masjid UniSZA merupakan satu aktiviti pembelajaran sepanjang

hayat yang mula diadakan dari tahun 2008 lagi. Pada awal hanya dua buah kelas diadakan iaitu sebuah kelas untuk peserta lelaki dan sebuah kelas untuk peserta perempuan. Namun pada tahun 2009, permintaan dalam kalangan warga komuniti wanita meningkat sehingga pihak pengurusan Masjid iaitu Pusat Islam menambah sebuah lagi kelas wanita menjadikan jumlah kelas KQD menjadi 3 kelas. Jumlah penyertaan dikekalkan untuk tahun 2010 dengan kelas KQD masih lagi 3 kelas. Namun pada 2011, permintaan dari peserta lelaki meningkat menjadikan jumlah kelas KQD ialah 4 buah kelas. Jumlah kelas KQD dikekalkan untuk dua tahun berikutnya. Bermula 2013, KQD diperluaskan penyertaannya di luar dari kawasan Gong Badak. Dengan itu berlaku penambahan mendadak pada kelas pengajian iaitu sebanyak 10 kelas. Seterusnya, pada tahun 2014 dan 2015, Pusat Islam telah memperkenalkan penjenamaan baru dalam KQD dengan menjadikan kelas KQD bersilibus dan lebih sistematik dengan pelancaran Kelas al-Quran Dewasa 100 jam berfokus bagi 2014 dan Kelas al-Quran Dewasa Masjid UniSZA bagi 2015.

Dari 2008 hingga 2013, kaedah pengajaran dan pembelajaran KQD di Masjid UniSZA dibuat secara tradisional iaitu talaqqi dan musyafahah. Namun, pada tahun 2014, satu perubahan telah dibuat oleh Pengurusan Pusat Islam dengan menjadikan Kelas Quran Dewasa lebih sistematik dengan membahagikan kepada empat tahap iaitu tahap asas, tahap pertengahan, tahap tinggi dan tahap tadabbur. Selain itu, proses penempatan pelajar dilakukan melalui temu duga bagi setiap peserta untuk menentukan tahap kelas masing-masing (Zulkefli Awang 2015).

Selepas temu duga, pelajar ditempatkan pada empat kelas yang berbeza mengikut tahap pencapaian bacaan sama ada di kelas asas, sederhana, tinggi atau tadabbur. Kelas tahap asas menggunakan Kitab al-Matién sebagai teks pengajian. Kitab ini dipilih kerana menggunakan Rasm Uthmani yang terkini dan kalimah yang dipilih dari kalimah al-Quran. Para peserta dalam tahap ini ialah peserta yang baru hendak belajar membaca al-Quran. Penumpuan akan diberikan kepada sebutan makhraj huruf dan bunyi bagi setiap huruf agar peserta boleh membaca al-Quran dengan baik. Sebagai perincinya dalam kelas asas ini, sesi pembelajaran dibahagi kepada dua sesi iaitu dari Januari sampai Jun, peserta akan menggunakan Buku Matien untuk mengenal huruf-huruf hijaiyah dan bacaan awal dalam al-Quran. Manakala dari bulan Julai sampai November, peserta akan belajar hukum tajwid asas seperti Nun Mati, Mim Mati, wakaf dan sebagainya.

Dalam menjayakan proses pembelajaran bagi tahap pertengahan, kaedah talaqqi dan musyafahah masih lagi digunakan. Pada peringkat ini, para pelajar sudah boleh membaca al-Quran, namun masih lagi kurang mahir dan banyak melakukan kesilapan dalam bacaan. Justeru, dalam proses ini, pelajar akan membaca sehelai muka surat seorang secara bergilir-gilir, kemudian Murabbi akan membetulkan

tajwid dan makhraj huruf yang dibaca sekiranya terdapat kesalahan. Kelas tahap sederhana ini menyasarkan agar peserta akan membaca al-Quran dari Juzuk 1-10.

Manakala bagi proses pembelajaran di tahap tinggi, semua peserta sudah boleh membaca al-Quran dengan lancar dan kesilapan membaca al-Quran adalah di tahap minimum. Pada tahap tinggi ini, peserta akan menghabiskan bacaan dari Juzuk 11 hingga ke juzuk 30. Para Murabbi akan memantau bacaan peserta di tahap ini dan para peserta juga dilatih untuk menjadi guru al-Quran. Para Murabbi di tahap ini akan memastikan semua peserta mengetahui semua hukum-hakam tajwid sebagai persediaan untuk menjadi guru al-Quran di luar nanti.

Manakala tahap tadabbur pula dikhaskan untuk peserta KQD yang telah melepas tahap tinggi dan ingin untuk mendalamai al-Quran dari sudut huraian makna. Dalam kelas Tadabbur ini, buku *Tafsir al-Abrar* digunakan sebagai teks asas di mana buku ini memuatkan tafsir bagi tiga surah hafalan popular iaitu surah al-Sajdah, surah al-Mulk dan surah al-Qiyamah. Dalam kelas ini, Murabbi akan menghuraikan maksud setiap ayat al-Quran dengan menggunakan kaedah penyampaian kuliah. Dalam kelas ini, tiada lagi penggunaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* sebaliknya ia lebih kepada penyampaian kuliah kepada peserta. Alat bantu mengajar digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas ini seperti *LCD Projector*, komputer riba dan sebagainya.

Selain itu, Zulkefli Awang (2015) menambah setiap tahap mempunyai ujian dan peperiksaan akhir yang dibuat sama ada dalam bentuk bertulis ataupun lisan bagi menilai sejauh mana pencapaian bagi setiap peserta. Bermula 2013, penilaian dibuat setiap enam minggu bagi semua tahap kecuali kelas *Tadabbur*. Penilaian dan sukatan berpandukan kepada tiga aspek iaitu Tajwid dan Fasahah 40%, Bacaan dan Kelancaran 30%, Persembahan dan Suara 30%. Bagi peserta yang berjaya mengikuti Kelas Quran Dewasa dan mendapat markah lulus dalam penilaian, sijil akan dianugerahkan sebagai bukti dan pengiktirafan bahawa peserta tersebut telah mengikuti program Kelas Quran Dewasa Masjid UniSZA dengan jayanya.

Setiap empat tahap mempunyai pendekatan berbeza. Pada tahap asas, pembelajaran secara individu ditekankan melalui pengenalan huruf dan makhraj. Contohnya, setiap pelajar dikehendaki menyebut setiap kalimah di hadapan guru secara berulang sehingga dapat menguasainya. Seterusnya, pada tahap sederhana pelajar didedahkan dengan pendekatan *Peer Group Study* (Bimbingan Melalui Rakan Sebaya) iaitu bacaan secara sambung menyambung dalam satu kelas dan diperbetulkan bacaan oleh guru dari juzuk 1-10. Pada tahap tinggi kaedah yang sama digunakan, namun sukatannya bermula dari juzuk 11-30. Adapun pada tahap

tadabbur, pelajar banyak didedahkan dengan tafsir dan pemahaman ayat melalui tiga surah yang terpilih dari *Tafsir al-Abrar* iaitu surah al-Mulk, surah al-Sajadah dan al-Qiyamah. Justifikasi pemilihan surah-surah ini adalah kerana ia masyhur dalam kalangan masyarakat dan intipatinya menekankan aspek aqidah dan tauhid, nilai dan akhlak melalui kaedah nasihat, peringatan, penceritaan, soal jawab, perbandingan, ancaman dan janji dan amar makruf nahi mungkar (Zulkefli Awang 2015).

Kajian mendapati fenomena cinta kepada al-Quran telah menjadi satu fenomena yang amat menarik jika dilihat daripada statistik penambahan para peserta bagi Kelas Quran Dewasa Masjid UniSZA. Jumlah terakhir bagi peserta Kelas Quran Dewasa UniSZA iaitu 390 orang hanyalah kerana pihak pengurusan Masjid UniSZA hanya mampu menawarkan had penawaran kepada jumlah tersebut sahaja. Jika diikutkan, masih lagi terdapat permohonan dari komuniti untuk mengikuti Kelas Quran Dewasa tersebut. Justeru, bagi menampung permintaan masyarakat, Pusat Islam Masjid UniSZA telah mengadakan kelas al-Quran yang lebih ringkas iaitu Klinik Tahsin al-Quran yang beroperasi setiap hari bekerja dari jam 9 hingga 11 pagi. Kelas ini diadakan sebagai menampung permintaan yang tinggi kepada program Kelas Quran Dewasa.

Hasil dari program Kelas Quran Dewasa Masjid UniSZA ini ialah KQD ini telah berjaya mengurangkan kadar buta al-Quran dalam kalangan ahli masyarakat dengan setiap peserta yang mengambil bahagian mula mampu membaca al-Quran dengan baik. Perkara ini dapat dilihat dengan keputusan ujian Kelas al-Quran Dewasa 100 jam Berfokus pada 2014 di mana keseluruhan peserta telah lulus ujian lisan dan bertulis dan mampu membaca al-Quran dengan baik. Menurut Ustaz Zulkefli bin Awang, KQD bersistem lebih berkesan kerana penilaian dibuat secara berkala. Hasil daripada penilaian berkala yang dibuat, menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan, sebanyak 70% daripada pelajar yang mengikuti KQD dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran al-Quran dengan baik setiap tahun dan meningkat tahap seterusnya, sama ada dari tahap asas ke tahap sederhana, tahap sederhana ke tahap tinggi atau tahap tinggi ke tahap tadabbur. Hanya 30% daripada pelajar sahaja yang kekal di tahap yang sama.

Selain dari itu, terdapat juga peserta yang lulus penilaian di tahap tinggi telah menjadi guru al-Quran di kawasan perumahan ataupun kampung masing-masing. Ini adalah hasil dari konsep *Training of Trainers* (TOT) yang diterapkan dalam proses pembelajaran di tahap tinggi. Seramai 10 orang peserta Kelas Quran Dewasa Masjid UniSZA telah menjadi guru mengaji al-Quran di tempat masing-masing.

KESIMPULAN

Dinamika pengajaran dan pembelajaran al-Quran mempunyai acuan yang tersendiri menerusi rangkuman kaedah tradisi dan kontemporari. Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran bertahap di Masjid UniSZA bertepatan dengan konsep pembelajaran dan pengajaran al-Quran yang lebih luas iaitu *tilawah, tafahum* dan *tafsir, tatbiq, taranum, dan taalim*. Pada permulaannya kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran dibuat secara tradisional iaitu *musyafahah* dan *talaqqi*. Namun, satu perubahan telah dibuat oleh Pengurusan Pusat Islam dengan menjadikan Kelas Quran Dewasa (KQD) lebih sistematik dengan membahagikan kepada empat tahap iaitu tahap asas, tahap pertengahan, tahap tinggi dan tahap *tadabbur*. Setiap tahap mempunyai ujian dan peperiksaan akhir yang dibuat sama ada dalam bentuk bertulis ataupun lisan bagi menilai sejauh mana pencapaian bagi setiap peserta.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan daripada Dana Penyelidikan Universiti (UniSZA/14/GU(005). Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (RMIC), Universiti Sultan Zainal Abidin atas penajaan dana tersebut untuk menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*. Selangor: al-Rahmaniah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Adel M.Abdul Aziz. 2006. *Panduan dan Bimbingan Guru al-Quran*. Kuala Lumpur: YADIM
- A. H. Hill. 1955. Hikayat Abdullah: An annotated translation. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Jld 28. Pt 3. Jun 1955.
- Atan Long. 1979. *Fikir-Fikir Mengenai Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- D. D. Chelliah. 1985. *A Short History of the Educational Policy of the Straits Settlements; 1800 to 1925*. Singapore: G.H. Kiat.
- D.G.Hall. 1961. *A History of South East Asia*. London: Oxford University Press.
- Ghazali Othman. 2015. Pembelajaran al-Quran teknikal-Baghdadi. <http://www.albaghdaditeknik.com/p/pembelajaran-al-quran-teknik-al.html> [8 Ogos 2015].

- Harun Hj. Sarail. t.th. Teknik pengajaran al-Quran kaedah hattawiyah. <http://nuraliah.tripod.com/hattawiyah.htm> [10 Ogos 2015].
- Ismail Abdul Rahman. 1993. *Pendidikan Islam di Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, K.A. & Che Noh, M.A. 2013. Sejarah Kaedah Serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran. Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI, Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana. Kuala Lumpur, 28-29 October 2013.
- al-Kailani, Taysir. 1986. *al-Taujih al-Fanni fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lebanon.
- Khoo Kay Kim. 1980. *Perkembangan Pelajaran Agama Islam dalam Pendidikan ke Arah Perpaduan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mohd Rizal Abdul Ghani. 2014. *Iqra' At Taisir*. Kuala Lumpur: Darul Furqan.
- Mohd Shukri. 2013. Kelemahan pelajar menguasai kajian tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa, Rawang. https://www.academia.edu/5603533/Jurnal_Kaedah_Hattawiyah [8 Ogos 2015].
- Mohd Zainul Arifien. 2011. Kaedah pengajaran tilawah dan hafazan al-Quran. Slaid. [http://www.slideshare.net/nikazehar/kaedah dan teknik pengajaran tilawah al-Quran](http://www.slideshare.net/nikazehar/kaedah-dan-teknik-pengajaran-tilawah-al-quran) [8 Ogos 2015].
- Muhammad Fauzan Abdul Wahid. 2006. *Meningkatkan Kemahiran Membaca al-Quran menerusi Latihan Amali & Tasmik al-Quran*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Pensyarah IPBA. 9 Oktober 2006. Kuala Lumpur: 19-29.
- Mustaffa Abdullah, Uthman Muda dan Mohd Shafiee Hamzah, 2014. *Peranan Ulama Melayu Dalam Menangani Buta al-Quran dalam Kalangan Masyarakat Malaysia, dalam Isu Kontemporari Pendidikan al-Quran*. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Shahril Marzuki. 2005. *Mengurus dan Membiayai Pendidikan di Malaysia*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sobri Salamon & Haron Din. 1988. *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur al-Rahmaniah.
- Suhaimi Muhammad. 2015. Sejarah KQD Masjid UniSZA, Terengganu. Temu bual 1 Ogos.

Yusri bin Chek. 2005. *Pelajaran Tajwid al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zakaria bin Din. 2014. *Tajdid in Quranic Studies; Kaedah Haraki Satu Tajdid dan Inovasi dalam Metode Pengajaran Tilawah al-Quran*. Kuala Lumpur: Academy of Islamic Studies UM.

Zamri Mohd. Zainuldin. 2009. *Mantap Mengaji Kaedah al-Matiem*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Zulkefli Awang. 2015. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran KQD Masjid UniSZA*, Terengganu. Temu bual, 1 Ogos.